

PISH, peluang umat dapat pendidikan Islam formal

FIRMAN ALLAH SWT: "Adakah sama orang yang mengetahui (berilmu) dengan orang yang tidak mengetahui (tidak berilmu)? Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna." (Surah Al-Zumar: 9)

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11), salah satu tumpuan utamanya adalah bidang pendidikan. Lebih kurang 1.6 juta peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan dan pastinya ia memerlukan tenaga muda yang berilmu dan berkemahiran.

Salah satu aspek yang terus diberi penekanan dalam melahirkan bakat yang berkualiti adalah melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) meletakkan PSH di lonjakan ketiga iaitu 'menghayati pembelajaran sepanjang hayat' supaya PSH menjadi amalan dan cara hidup rakyat Malaysia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh semasa merasmikan seminar PSH ini berkata, program PSH akan terus ditingkatkan supaya menjadi lebih berkualiti, sama ada secara formal mahupun tidak formal, dalam pelbagai bidang dan laluan untuk pembangunan profesional dan individu tanpa mengira tahap pendapatan ataupun latar



Idris (tengah) bersama peserta seminar PISH di Dewan Tuanku Canselor, Usim.

belakang.

"Dasar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) bertujuan bagi memastikan umat Islam mendapat pendidikan Islam formal secara berterusan dan tidak terhenti di peringkat sekolah, kolej, mahupun universiti semata-mata. Sebaliknya ilmu pendidikan Islam harus diteruskan di sepanjang hayat kehidupan.

"Manakala latihan kemahiran diberikan kepada pelajar tahfiz, pondok dan maahad bagi memastikan mereka juga menguasai bidang kemahiran sama ada bidang TVET, pertanian, informasi & teknologi dan seumpamanya

seterusnya mampu berdaya saing dalam menghadapi cabaran global.

"Saya percaya masyarakat Islam akan mempunyai benteng akidah Islam yang kukuh sekiranya dilengkapi dengan pendidikan Islam yang sempurna. Oleh yang demikian, diharapkan dengan wujudnya Program PISH, semua pihak dapat menyampaikan dakwah dan ilmu dengan pelbagai pendekatan berdasarkan kepakaran yang dimiliki," katanya di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada 14 September lalu.

Menurutnya, program ini turut melibatkan pelbagai pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia dan lain-lain lagi.

Idris menambah, semasa berlangsungnya Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional pada 1 Disember 2014 yang lalu, beliau mencadangkan agar diadakan Seminar PISH.

"Alhamdulillah, hari ini seminar PISH direalisasikan dan menghimpunkan ahli akademik dan wakil NGO untuk bersama-sama berkongsi pendekatan dan kaedah serta mengupas isu-isu dan cabaran pelaksanaan program PISH di institusi masing-masing.

"Berdasarkan tema 'Pelaksanaan PISH: Isu dan Cabaran' saya berharap satu resolusi, kesepakatan dan idea baharu dapat dihasilkan bagi memastikan PISH berjalan dengan terancang dan berkesan," katanya.

Menurutnya bagi mencapai kejayaan PISH secara optimum, beliau menyarankan aktiviti program PISH dipelbagaikan dan dipertingkatkan secara kreatif merentasi kementerian, jabatan, Institusi dan agensi.

Diharapkan seminar PISH memberikan impak dalam meningkatkan taraf kompetensi tenaga kerja negara.